

Bekas PM titip surat untuk rakyat Malaysia

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sempat menitipkan surat yang ditujukan kepada rakyat Malaysia selepas dijatuhkan hukuman atas kesalahan menggunakan kedudukan bagi memperoleh suapan dan pengubahan wang haram RM2.3 bilion dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kelmarin.

Surat berkenaan dibacakan peguam beliau, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sidang media selepas prosiding berkenaan di Istana Kehakiman, di sini, kelmarin.

Dalam surat berkenaan, Najib memaklumkan ada ketikanya beliau berasakan seolah-olah perjuangan itu harus dipikulnya sendiri.

“Saudara dan saudari yang saya hormati, saya menulis ini dengan fikiran yang tenang, meskipun hati saya berat.

“Ada ketika saya merasakan seolah-olah perjuangan ini harus saya pikul sendiri. Namun, saya tetap bertekad untuk meneruskannya bukan kerana dendam, tetapi kerana prinsip.

“Apa yang saya tuntutan hanyalah hak yang diperuntukkan oleh undang-undang dan apa yang telah diperkenankan.

“Niat saya tidak pernah berubah iaitu untuk menyumbang kepada pembangunan negara

dan kesejahteraan rakyat,” katanya.

Menurut surat itu lagi, Najib berkata, perjuangan itu bukan usaha untuk mengelak daripada tanggungjawab, tetapi juga ikhtiar menegakkan keadilan, menjunjung integriti Perlembagaan dan mempertahankan kedaulatan undang-undang yang dilaksanakan tanpa rasa takut atau pilih kasih.

“Saya akan terus menuntut hak saya melalui saluran yang sah dengan maruah dan kesabaran, walaupun jalannya sunyi serta menuntut pengorbanan besar.

“Apa pun keputusan hari ini (kelmarin), saya tetap yakin kepada proses kehakiman negara,” katanya.

Sehubungan itu, beliau memohon rakyat Malaysia kekal tenang, rasional dan berhemah serta tidak terpengaruh atau terbabit dalam sebarang provokasi yang boleh menjejaskan keharmonian awam atau menghina proses perundangan.

“Perbezaan pandangan harus dizahirkan secara matang, tertib dan berlandaskan undang-undang.

“Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya merilai perkara ini dengan tenang dan rasional bukan semata-mata dari sudut nasib saya sebagai indi-



Antara penyokong yang hadir di pekarangan Istana Kehakiman Putrajaya, kelmarin. (Foto Ahmad ukasyah/BH)

vidu, tetapi demi masa depan institusi negara dan prinsip-prinsip yang kita junjung bersama,” katanya.

Sementara itu, anak bekas Perdana Menteri itu, Nooryana Najwa dalam perkongsian di Instagram Story, beliau menyifatkan hari yang panjang dan menyeksakan serta sukar buatnya susulan keputusan Mahkamah Tinggi Putrajaya kelmarin yang

menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan denda RM11.38 bilion ke atas bapanya.

“Hari yang panjang dan menyeksakan... amat sukar untuk memahami angka-angka ini. Semoga Allah SWT membimbing hati dan fikiran kita ke jalan yang benar,” tulis beliau disertai emoji sedih dan simbol hati merah yang retak dalam perkongsian berkenaan.

Mengulas hukuman dikenakan ke atas bapanya itu, Nooryana menulis: “Keputusan mahkamah tidak mampu memadam seumur hidup jasa, kasih sayang dan komitmen kepada rakyat.”

Nooryana turut memuat naik gambar Najib bersama seorang cucu beliau dengan kapsyen: ***The sweetest thing I saw today*** (perkara yang paling manis saya lihat hari ini).